

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(PERMATANG PAUH)**

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (PERMATANG PAUH) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan butir-butir pembelanjaan peruntukan bagi *Ecological Fiscal Transfer (EFT)* bagi tahun 2018-2021 dan pecahan mengikut negeri-negeri yang menerima EFT tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT)* diperkenalkan pada tahun 2019 sebagai satu bentuk insentif kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi melindungi dan memulihara kawasan perlindungan (*protected areas - PA*).
2. Kementerian Kewangan (MOF) telah menyediakan peruntukan sebanyak RM60 juta pada tahun 2019 dan RM70 juta pada tahun 2021 yang diagihkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP). MOF juga telah membangunkan Garis Panduan Pemberian TAHAP yang menetapkan sembilan (9) skop bagi perbelanjaan peruntukan EFT.

3. Pecahan pengagihan peruntukan EFT kepada negeri adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Pengagihan (RM juta)	
		2019	2021
1	Sabah	12,180,000.00	12,997,800.00
2	Kelantan	5,810,000.00	5,938,200.00
3	Terengganu	4,260,000.00	6,893,100.00
4	Kedah	5,830,000.00	4,408,900.00
5	Pahang	5,820,000.00	8,498,900.00
6	Perlis	4,920,000.00	1,401,000.00
7	Sarawak	3,240,000.00	13,256,900.00
8	Perak	2,840,000.00	6,253,900.00
9	Johor	3,240,000.00	2,691,800.00
10	Melaka	4,260,000.00	500,100.00
11	Negeri Sembilan	2,680,000.00	2,699,400.00
12	Selangor	2,470,000.00	3,665,700.00
13	Pulau Pinang	2,450,000.00	794,300.00
Jumlah		60,000,000.00	70,000,000.00

4. Bermula tahun 2022, pelaksanaan EFT telah diletakkan di bawah seliaan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) selaras keputusan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara Tahun 2021.

Sekian, terima kasih.